

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan pusat bercadang untuk membantu Majlis Perbandaran di setiap negeri yang ketika ini terpaksa menanggung beban kos penyerapan GST yang dikenakan ke atas mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pembekalan berkaitan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan seperti lesen perniagaan, kompaun dan cukai taksiran adalah tidak tertakluk kepada GST. Hanya aktiviti yang bersifat perniagaan yang

dibekalkan tertakluk kepada GST sekiranya PBT tersebut mencapai threshold RM500,000 dan berdaftar GST. Ini termasuklah aktiviti seperti sewaan dewan atau premis bangunan komersial, sewaan tapak perniagaan, penjualan pokok bunga dan pelupusan barang rampasan.

Di bawah Peraturan 49, Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, cukai input dibenarkan untuk dituntut ke atas perolehan barang atau perkhidmatan oleh PBT yang berkaitan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Dalam situasi ini, PBT berada dalam kedudukan yang lebih baik kerana cukai input dapat dituntut dan ianya tidak menjadi kos kepada mereka.

PBT menikmati layanan yang lebih baik dalam era GST berbanding dengan SST kerana mereka dapat menuntut cukai input yang terlibat ke atas pembelian barang, perkhidmatan kawalan keselamatan, yuran guaman, perkhidmatan telekomunikasi, yuran perunding dan lain-lain perkhidmatan professional yang tidak dapat dituntut semula semasa era SST. Ini secara langsung akan mengurangkan kos operasi PBT.